

ISSUE #43/22 JUN 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION

BIG STAGE ALPHA

TUNAIKAN PERMINTAAN OT7 PEMINAT





LEDAKAN, FENOMENA BIG STAGE ALPHA

Selepas lapan minggu bekerjasama di Big Stage Alpha (BSA), akhirnya Daniel Sher, Rizal Rashid, Ariel Fesol, Arraf, Afiq Sky, Izzat Ibrahim dan Ray-D disatukan untuk membentuk kumpulan ALPHA.

Menurut Penerbit Eksekutif BSA, Daus Mahadi, pihak produksi tidak menyangka program hiburan itu akan berjaya mencipta fenomenanya yang tersendiri.

Malah cadangan OT7 ini mula mendapat sambutan selepas salah seorang bintang BSA iaitu Afiq Sky terselamat daripada penyingkiran.

"Sebenarnya kami tak sangka yang kami akan dapat sambutan hebat seperti ini. OT7 ini lahir selepas Afiq Sky diselamatkan, peminat tak mahu dia keluar sebab dia line up maknee.

"Jadi kami memang tak sangka dapat sambutan itu. Selepas permintaan itu dibuat berterusan selama 3 minggu, kami mengambil keputusan untuk pertimbangkan permintaan tersebut dan OT7 adalah hadiah buat peminat peminat setia big stage alpha " ujarnya.

Bagaimanapun, Daus akui bukan mudah untuk pihak produksi membuat keputusan mewujudkan One True 7 (OT7) seperti yang diminta oleh rakyat Malaysia.

Namun selepas beberapa perbincangan dan mempertimbangkan beberapa perkara mereka akhirnya bersetuju untuk memenuhi permintaan peminat setia BSA.

"Janji tetap janji, tapi ini adalah program realiti, apa-apa sahaja boleh berlaku. Selepas beberapa perbincangan, kami akhirnya sebulat suara untuk merealisasikan OT7 seperti yang diminta oleh peminat," ujarnya.

Daus turut berkongsi kesemua ahli kumpulan ALPHA tidak akan berehat selepas bertanding sebaliknya akan bersiap sedia untuk terbang ke Korea bagi menjalani latihan intensif sebagai persiapan ke fasa seterusnya.

"Untuk persiapan mereka selepas Big Stage, seperti yang semua tahu, mereka akan jalani latihan intensif. Kami dah lihat jadual mereka di sana memang ketat. Macam-macam kelas sudah pun disediakan oleh pihak sana untuk mereka," ujarnya.



ARIEL FESOL

Juara Big Stage Alpha, Pernah Tinggal Dunia Nyanyian Jadi Pramugara

Ariel Fesol muncul juara Big Stage Alpha (BSA), membawa pulang RM30,000 dan trofi. Ray-D dan Rizal Rasid masing-masing di tempat kedua dan ketiga.

Kemenangan itu sangat bermakna buat Ariel yang menanti selama lima tahun untuk menyertai BSA selepas pernah ditolak kerana jumlah pengikut media sosial yang rendah.

"Bila nama saya diumumkan sebagai juara, itu adalah momen yang saya nantikan sepanjang 16 tahun selepas masuk Idola Kecil," katanya.

Pernah berputus asa dan meninggalkan dunia nyanyian pada 2019, Ariel bekerja sebagai pramugara. Namun, cintanya pada muzik tidak pernah padam dan sebuah video nyanyiannya dalam pesawat di hadapan David Foster menjadi titik mula kemunculannya semula.

Kini bergelar juara, Ariel nekad tinggalkan dunia penerbangan untuk mengejar impiannya sepenuhnya sebagai penyanyi.

Ariel turut berharap peminat terus menyokong dirinya dan kumpulan ALPHA.

"Saya harap Alphanite dan mereka yang baru mengenali saya, berikan sokongan... kami semua ada impian yang sama," ujarnya.

Astro Rancang Dokumentari Eksklusif Latihan Intensif Bersama Penerbit K-Pop Terkemuka

Astro Ria bakal menerbitkan dokumentari khas tentang kumpulan ALPHA, memaparkan perjalanan mereka menjalani latihan intensif di Korea Selatan, menurut Pengurus Saluran, Ildan Zahari.

"Perjalanan mereka di Korea akan direkod dan diterbitkan sebagai sebuah program baharu di Astro, oleh pasukan produksi yang sama di sebalik Projek Bapak Bapak," katanya.

Latihan ALPHA akan dikendalikan oleh Jay Kim, bekas penerbit Attrakt yang pernah menghasilkan lagu hit untuk Red Velvet (Bad Boy) dan NCT 127 (Favourite), serta disertai pengarah visual yang pernah bekerja dengan aespa.

Selepas tamat Big Stage Alpha, ALPHA akan menjalani penggambaran muzik video debut mereka berjudul Monalisa dan turut dijadualkan merakam sebuah lagu balada dalam masa terdekat.





Anak Ahmad Dhani Kahwin, Ini Kemewahan & Sensasi Majlis Al Ghazali, Alyssa

Majlis perkahwinan anak pesohor seni Indonesia, Ahmad Dhani dan Maia Estianty, Al Ghazali dan Alyssa telah berlangsung dengan cukup mewah. Al adalah anak hasil perkahwinan pertama Dhani bersama Maia. Dhani kini berkahwin dengan Mulan Jameela manakala Maia juga sudah lama menikah dengan Irwan Mussry.

Justeru majlis pernikahan, resepsi dan unduh menantu yang berlangsung selama beberapa hari telah dilaksanakan dengan gilang gemilang. Terdapat banyak momen tentang majlis yang telah menyatukan dua hati ini. Berikut fakta di sekitar majlis yang menjadi perhatian media tempatan.

Ucapan Ahmad Dhani, Maia Estianty

Sewaktu majlis pernikahan Al dan Alyssa pada 16 Jun lalu, ucapan dan pesanan yang diberikan kepada anak lelaki sulungnya itu telah mencuri perhatian. Maia antaranya "Lancar pernikahannya, setia selamanya, sukses, makmur, selalu bernasib baik, tidak ada orang ketiga, pokonya langgeng sampai Surga."

Malah selain ucapan Maia, ucapan Dhani juga turut menarik perhatian. Pengasas Dewa 19 itu mengatakan: "Saya juga bahagia hari ini, tidak hanya kerana Al, tapi juga kerana ibunya Al berbahagia juga kerana mendapatkan suami yang lebih baik daripada saya."

Maia diketahui telah menjadi mangsa apabila kebahagiaan rumah tangga bersama Dhani musnah selepas lelaki itu menikahi sahabat baiknya, mulan Jameela.



Roll Royce & Kemewahan Majlis

Al dan Alyssa telah menjalani beberapa majlis dengan kesemuanya boleh dikategorikan sebagai sangat mewah. Malah tindakan Alyssa memberi hadiah mewah termasuk alat kecantikan bernilai ribuan ringgit kepada rakan-rakan yang akan menjadi pengapitnya, busana dan kasut serta perhiasan yang digunakan pada majlis berbeza juga dipercayai mencecah belanja yang cukup luar biasa.

Menjalani majlis terakhir unduh menantu dengan tema Javanese Royal Wedding, Dhani mengakui puas telah berjaya melaksanakan majlis megah buat anaknya.

Dia secara berseloroh mengatakan biaya yang dikeluarkan untuk majlis Al dan menantu mempunyai sama nilai dengan sebiji Roll Royce.

"Ya [harga] sebuah Rolls-Royce lah. Ini tak ada [sponsor]. Kalau pun ada, paling kan mau diliput sama TV, ya semua keuntungannya buat Al sama Alyssa," kata Ahmad Dhani seperti dilaporkan CNN.

Fazura & Tetamu VVIP

Tidak hanya mewah, majlis perkahwinan Al dan Alyssa ditaburi figura-figura penting negara serta selebriti. Ini termasuklah

Susilo Bambang Yudhoyono (SBY), Agus Harimurti Yudhoyono dan Annisa Pohan, Puan Maharani, Rano Karno, Surya Paloh, Sandiaga Uno, hingga Atalia Praratya.

Rakan selebriti seperti Melly Goeslaw, Yuni Shara, Natasha Wilona, Prilly Latuconsina dan Omara Esteghlal, Olla Ramlan, Vina Panduwinata, Angelina Sondakh, Ari Lasso dan Titi DJ juga memberi restu dengan hadir ke majlis anak sahabat mereka itu.

Namun paling mencuri tumpuan adalah kehadiran Fazura yang cantik berkebaya kuning saat menyantuni pasangan pengantin baharu di Jakarta itu. - MALIAH SURIP

Ada Apa Dengan Romantika Fikry Ibrahim - Isteri?

Beberapa hari ini, nama Fikry Ibrahim 'meledak-ledak'. Semua bertanya dalam pelbagai versi - apa cerita dengan Fikry?

Semuanya gara-gara laporan berita rumah tangga yang baru berusia sekitar empat bulan di antara pelakon dan hos itu bersama isteri, Siti Khalizah Alihan sudah terlerai. Siti Khalizah telah hadir ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan untuk menuntut cerai.

Sebaik kehadiran Siti Khalizah ke mahkamah dihidu media seterusnya mencari Fikry untuk pengesahan, lelaki itu mengaku masih menyayangi isterinya. Dia juga percaya Siti Khalizah turut mempunyai perasaan sama terhadapnya.

"Saya menidakkan (mahu berpisah)... Kami saling menyintai antara satu sama lain. Tiada istilah kami terpaksa berkahwin, sebaliknya, kami kahwin atas dasar cinta ikhlas," katanya kepada media.

Ironi, wanita yang dinikahi pada 12 Januari lalu dalam sebuah majlis tertutup di Kedah sudah memfailkan perceraian pada hujung Mei lalu.

Fikry kemudian mendakwa Siti Khalizah hadir ke mahkamah untuk membatalkan permohonan cerai tetapi peguam yang mewakilinya menafikan dakwaan pelakon tersebut.


Pada saat khalayak masih bingung mengenai status rumah tangga mereka, Siti Khalizah pula mengejutkan semua apabila memuat naik foto di TikTok berpegangan tangan erat dipercayai miliknya dan Fikry.

Pada kapsyen wanita yang sudah pernah berkahwin sebelum menikah dengan Fikry ini menulis: Terima kasih kepada yang mendoakan kebahagiaan kami."

Apa yang dipertontonkan kepada umum saat ini boleh dikatakan sangat mengelirukan. Siti Khalizah didakwa belum menarik permohonan cerai. Fikry kata tidak akan bercerai — alih-alih ucap terima kasih kerana mendoakan mereka sambil berpegangan tangan, jadi sebenarnya apa drama mereka?


Semoga mereka bertemu titik baik dalam romantika yang dijalin dan memelihara rumah tangga dengan baik. Sebab saat ini mereka bukan main kahwin-kahwin masa zaman kanak-kanak yang polos tak mengerti tapi sudah sangat matang untuk hidup berdua sebagai suami isteri dalam biduk perkahwinan yang penuh pancaroba. - MALIAH SURIP





Pengarah: Eakasit Thairaat
Pelakon: Chantavit Dhanasevi, Nuttanicha Dungwattanawanich, Anon Saisangcharn
Genre: Seram

Inspektor Dan telah dibuang ke sebuah kawasan terpencil jauh di dalam hutan hujan Hala Bala. Apabila seorang penjenayah terkenal melarikan diri dari penjara, dia mengetuai satu skuad bersenjata bersama seorang perantara (medium) spiritual untuk menyusup lebih jauh ke dalam hutan bagi memburu buruan itu, meskipun telah diberi amaran supaya menjauhkan diri. Namun, mereka mula menyedari bahawa rahsia gelap yang tersembunyi di dalam hutan itu sedang berpaling 'menentang mereka'.



Pengarah: Megat Sharizal
Pelakon: Tony Eusoff, Sofia Jane, Mimi Lana, Megat Sharizal
Genre: Drama

Berlatarkan tahun 1970-an di Kuala Lumpur. Ikon filem Malaysia, P. Ramlee telah meninggal dunia pada usia 44 tahun dan karya seninya telah dianggap lapuk. Zakaria, seorang peniru gaya, bergelut dengan masalah kewangan dan hutang telah ditawarkan kerja oleh gangster tempatan, Yusuf, untuk 'berlakon' sebagai P. Ramlee untuk menghiburkan kakak kepada Yusuf iaitu Zaiton, yang menghidap amnesia dan percaya dirinya masih berada di era 1950-an. Perkara ini membuatkan Zakaria mampu untuk melangsaikan hutangnya dan membahagiakan kakak kepada gangster itu.



Pengarah: Indra Gunawan
Pelakon: Citra Kirana, Rezky Aditya, Natasha Rizki
Genre: Drama

Filem ini mengisahkan Kiki (Citra Kirana), seorang ibu tunggal yang hidupnya berubah selepas kematian suaminya, Ronald (Rezky Aditya). Terjerumus dalam masalah kewangan dan kehilangan kerja selepas berhijab, Kiki turut berdepan konflik keluarga yang mengancam masa depan anaknya, Bunga (Queen Lubis). Sokongan sahabatnya, Rahma (Natasha Rizky), memperkenalkan Kiki kepada ilmu Magnet Rezeki, yang mengajarnya bahawa setiap pemikiran adalah doa. Dengan semangat dan kepercayaan, hidup Kiki mula berubah, dan akhirnya dia menemui kebahagiaan baharu bersama suami keduanya, Bagas.

Amira Othman & 'Honey Minta Maaf' Kuasai Carta GMW Minggu Ini!

Carta Gempak Most Wanted (GMW) minggu ini menyaksikan Honey Minta Maaf kekal sebagai drama nombor satu, mengatasi Keluarga Itu dan Dia Imamku.


Dalam video muzik trending pula, Kerana Ego oleh Khai Bahar mendahului carta, manakala Amira Othman mencuri tumpuan sebagai selebriti dan penyanyi paling trending menerusi lagu Bila Nak Kahwin? dan program Ruang Cerita ZAYAN.

Bagi hos program digital, Zarul Umbrella muncul di tempat pertama, mengatasi Nana Mahazan dan Dina Nadzir.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Drama Trending

- No 1: Honey Minta Maaf
- No 2: Keluarga Itu
- No 3: Dia Imamku
- No 4: Aku Bukan Ustazah 2
- No 5: Calon Isteri Buat Suami

TOP 5 Selebriti Trending


- No 1: Amira Othman
- No 2: Nadeera
- No 3: Shukri Yahaya
- No 4: Zahiril Adzim
- No 5: Mimi Lana

TOP 5 Lagu Trending

- No 1: Bila Nak Kahwin? - Amira Othman
- No 2: Nurchinta - Amir Masdi
- No 3: Andai Tiada Dia - Isyariana
- No 4: lowkey - lucidrari ft. Heil Nuan
- No 5: Ingat - Alyph

TOP 5 Hos Program Digital Trending

- No 1: Zarul Umbrella
- No 2: Nana Mahazan
- No 3: Dina Nadzir
- No 4: Ubai MZ
- No 5: Kecik Khaliuekerr



Langgan Max & Prime Video Serendah RM16.96



Astro terus memperkukuh pengalaman hiburan rakyat Malaysia dengan menyatukan 14 aplikasi penstriman popular seperti Max, Prime Video, Netflix, Disney+ Hotstar, Viu, iQIYI dan banyak lagi menerusi platform Astro One.

Pelanggan kini boleh menikmati langganan Max selama 12 bulan serendah RM16.96 sebulan untuk pelan Standard dan RM25.95 untuk Ultimate, dengan akses kepada kandungan seperti Wicked, Gladiator II dan Just Like That (Musim 3).

Prime Video pula ditawarkan secara percuma kepada pelanggan Pek Epic Astro One dan Pek Astro Movies dengan Ultra/Uliti Box, manakala pelanggan lain boleh melanggan pada harga RM25 sebulan.



Pada masa sama, saluran pop-up popular HEROES (CH 100) akan kembali bermula 16 Jun ini selama sebulan, menampilkan lebih 100 tajuk aksi dan thriller daripada Disney+ Hotstar, Marvel dan banyak lagi, boleh ditonton secara percuma oleh semua pelanggan Astro. Untuk melanggan atau menaik taraf, layari www.astro.com.my atau WhatsApp "Hi" ke 03-9543 3838.

30 Peserta Berentap Dalam Raise The Star Malaysia

Program realiti nyanyian terbaharu Astro, Raise The Star Malaysia, menampilkan lima komposer terkenal iaitu Ajai, Audi Mok, Aina Abdul, Shila Amzah dan Ikhwan Fatanna yang bergabung mencari lima bintang baharu untuk mempersembahkan lagu ciptaan mereka di pentas akhir.

Disaring daripada sesi uji bakat digital dan fizikal, seramai 30 peserta berbakat pelbagai latar belakang terpilih untuk berentap, termasuk Aiman Hakim, Bella, Scha Nurul, Syaf Kahar, Zuana dan ramai lagi.

Penjurian dibahagikan kepada 80% markah komposer dan 20% undian umum. Dihoskan oleh Alif Satar dan Sherry Alhadad, program ini akan bersiaran secara langsung selama lapan minggu bermula 22 Jun 2025, setiap Ahad jam 9 malam di Astro Ria serta boleh distrim melalui Astro GO dan sooka.





Maher Zain Kembali, Konsert Jelajah Ogos Ini!

Maher Zain bakal kembali menggegarkan Asia Tenggara menerusi Konsert Jelajah Asia Tenggara 2025 yang akan berlangsung di Kuala Lumpur (16 Ogos), Singapura (21 Ogos) dan Kota Kinabalu (23 Ogos), enam tahun selepas konsert terakhirnya di Malaysia.

Diumumkan secara rasmi bersama Yayasan Tengku Abdullah (YTA), jelajah ini menjanjikan persembahan lagu baharu dan hits kegemaran seperti Insha Allah, Baraka Allahu Lakuma dan Thank You Allah, serta karya terkini seperti Qalbi Fil Madinah.

Tiket konsert boleh mula dibeli secara pra-daftar pada 12 Jun dan jualan umum bermula 13 Jun, dengan harga bermula RM158 di Malaysia dan SGD78 di Singapura

Ziana, Anuar, Ernie & Syamel Sepentas

Konsert Empat Live In Kuala Lumpur 2025 pada 18 Oktober di Mega Star Arena bakal menyatukan empat nama besar iaitu Ziana Zain, Anuar Zain, Ernie Zakri dan Syamel dalam sebuah persembahan eksklusif.

Diterajui Anuar Zain Network dan Altus Prohouse, konsert ini digarap oleh pengarah muzik Sze Wan dan pengarah konsert Jennifer Thompson, menjanjikan malam penuh magis, kolaborasi unik dan lagu-lagu ikonik merentas generasi.

Persiapan rapi sedang giat dijalankan dan peminat dijemput menjadi sebahagian daripada sejarah ini dengan mendapatkan tiket di www.ticket2u.com.my/empatkl.





Mad Noor

@dodosentoso 

Lelaki Buncit Bukan Tanda Bahagia Tapi Tanda-Tanda Stres

Ramai beranggapan perut buncit, khususnya dalam kalangan lelaki berumah tangga sebagai simbol 'bahagia' namun hakikatnya ia mungkin petanda tubuh sedang berdepan tekanan yang serius.

Menurut pencipta kandungan, Muhammad Noor Zakaria atau Mdno, perut buncit sebenarnya boleh dikaitkan dengan paras hormon kortisol yang tinggi yang dirembeskan tubuh apabila berada dalam keadaan stres.

"Ramai orang selalu fikir kalau buncit itu bahagia, tapi anda silap. Sebenarnya kalau ada lelaki terutamanya golongan suami buncit dia sebenarnya sedang tertekan atau stress, berkemungkinan dia tinggi Kortisol.

"Badan kita ini ada satu mekanisme apabila kita menghadapi stres ia akan merembeskan hormon ini untuk bersedia melakukan sesuatu. Jadi ia akan meninggikan kita punya kadar gula, degupan jantung sebab nak bersedia untuk fight or flight.

"Zaman sekarang kebanyakan dari kita rasa tertekan kerana kerja, hal rumah tangga, ekonomi dan macam-macam lagi. Bila kita sentiasa tertekan badan kita akan sentiasa mengeluarkan hormon ini.

Tambahnya, apabila hormon kortisol tinggi dalam badan, ia akan meningkatkan paras gula dalam darah.

Ini seterusnya merangsang pengeluaran hormon insulin, yang akan menukarkan gula berlebihan tersebut kepada lemak khususnya di bahagian perut.

"Bila hormon kortisol ini tinggi dalam badan ia akan meningkatkan kadar gula dalam badan, dan akan menyebabkan hormon insulin pula keluar untuk mengawal gula tersebut jadi ia mengubah gula tersebut menjadi lemak sebab itu perut menjadi buncit.

"Hormon kortisol ini juga membuatkan kita craving nak makan benda-benda manis, sebab tu ada satu-satu situasi anda rasa teringin sangat nak makan dessert. Dan pada masa sama untuk pengetahuan anda, hormon kortisol yang tinggi boleh membuatkan kadar metabolisme kita jadi perlahan

Perut buncit bukan hanya soal pemakanan atau gaya hidup, a juga berkait rapat dengan tahap tekanan dalam diri.

Pengurusan stres secara sihat bukan sahaja baik untuk emosi, tetapi juga penting untuk kesihatan tubuh secara menyeluruh.





Kelantan to the World

Six inspiring entrepreneurs from Kelantan are proving that success knows no borders. Khairul Aming became a social media star with his viral "30 Hari 30 Resepi" series, turning Sambal Nyet into a multimillion-ringgit brand. Neelofa transitioned from celebrity to mogul with fashion and wellness brands like Naelofar and Nilofa Plus.

Dr. Hannan Yusof built Hannan Medispa into a leading aesthetic chain while serving as an associate professor. Dato' Steven Sim founded Secret Recipe, now with over 400 outlets across Asia.

International fashion icon Zang Toi, hailing from Kuala Krai, has dressed royalty and Hollywood stars. Meanwhile, Dato' Sri Vida rose from hardship to lead a beauty empire, using media to drive her brand into the spotlight.




Decode Your Food Labels!

Food labels can be confusing, but here's what they really mean: "Best-before" and "Best-if-used-by" dates refer to quality, not safety—you can still eat the food after this date if it looks and smells fine.

"Sell-by" is for store use to manage inventory, not a safety guide. "Use-by" or expiry dates, however, are crucial for safety, especially for perishables like meat or dairy—do not consume them past this date.

"Freeze-by" simply suggests when to freeze for best quality. In short, only "use-by" dates matter for your health, while the rest are more about taste and freshness.



Car Seat Out, Chill Vibes In

A man in Johor Bahru went viral after swapping his car's driver seat for a casual camping chair and stripping much of the interior—he even mounted a camera to capture the laid-back drive. Netizens found it amusing and creative, praising his out-of-the-box idea and joking about using gaming chairs next—while reminding him, "don't forget to wear your seatbelt."

Read more at www.rojakdaily.com.